



HARUN (kiri) dan Amiruddin (kanan) bertukar dokumen sambil diperhatikan oleh Awang Sahak (tengah).

UMS, UNISSA tandatangani Surat Hasrat

UB 27.1.2014 A4

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menandatangani Surat Hasrat dengan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Brunei Darussalam yang membolehkan kedua-dua pihak menjalankan kerjasama dalam pelbagai bidang akademik.

UMS diwakili oleh Naib Canselor Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah manakala Rektor UNISSA Pg Anak Dr Haji Amiruddin Alam Shah Pg Anak Haji Ismail mewakili

UNISSA menandatangani Surat Hasrat itu dalam satu majlis yang berlangsung di pejabat UNISSA.

Perjanjian kerjasama itu turut disaksikan oleh Duta Besar Malaysia ke Brunei Darussalam, Datuk Awang Sahak Awang Salleh.

Melalui kerjasama itu, kedua-dua pihak bakal menjalankan penyelidikan bersama dalam bidang e-perdagangan dan kewangan Islam, selain menjalankan kajian terhadap

Borneo.

Kedua-dua pihak juga bersetuju untuk mengadakan program mobiliti kakitangan dan pelajar, selain pertukaran pensyarah bahasa kedua-dua universiti.

Perjanjian kerjasama terbaru iniyang ditandatangani sempena lawatan delegasi UMS ke Negara Brunei Darussalam baru-baru ini, bakal menyemarakkan lagi hubungan dua hala antara UMS dengan institusi pengajian tinggi di negara itu.